

# Pantau lebih ketat

FOTO: ASWADI ALIAS

■ JAKIM lantik 62 penguat kuasa terlatih semak produk halal dalam pasaran

Oleh Ahmad Rabul Zulkifli

am@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Seramai 62 penguat kuasa khas dilantik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi memantau produk atau bahan makanan yang menggunakan label halal tidak diliktrir serta diragui yang dipasarkan kepada orang awam. Menteri di Jabatan Perdana Menteri Mejar Jeneral (B) Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, tanggungjawab bagi menentukan sesuatu produk itu halal atau tidak, bukan hanya membabitkan JAKIM sebalikny ia juga disahkan Kementerian Kesihatan yang berperanan memastikan sesuatu produk itu mengandungi bahan yang tidak memudaratkan kesihatan selain bersih.

"JAKIM melantik 62 penguat kuasa yang diberikan kursus dan latihan bagi menguatkuasakan undang-undang berkaitan produk halal



JAMIL Khir bersalaman dengan pelajar selepas Majlis Santai Bersama Menteri Mentor UnisZA, semalam.

lal serta salah guna dan pemalsuan sijil halal oleh segehintr pihak tidak bertanggjawab.

"Kami sudah tegaskan apa saja produk yang tidak memiliki logo halal yang diperakui JAKIM tidak sah dan diragui keselamatannya.

"Pengguna perlu bijak dan prihatin untuk meneliti terlebih dulu produk untuk melihat logo halalnya selain kan dibeli. Lihat logo halalnya selain kan dungannya supaya tidak terbeli ma-

kanan terkandung bahan tidak halal," katanya kepada pemberita selepas Majlis Santai Bersama Menteri Mentor Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya dari semasa ke semasa sentiasa membuat pemantauan produk dipasarkan tanpa logo halal dan menggunakan logo halal tidak diliktrir termasuk kes pemalsuan logo halal.